

**OCBC Jangka Imbangan Perdagangan Malaysia Lebih Baik Tahun Ini**  
**Bernama**  
**10 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Oversea-Chinese Banking Corp (OCBC) mengunjurkan imbangan perdagangan Malaysia lebih baik tahun ini dengan eksport mencatat pemulihan berikutan unjuran global yang meningkat.

Pakar ekonomi bank itu, Wellian Wiranto, berkata eksport ke China mula meningkat, dibantu oleh permintaan yang semakin stabil serta kenaikan harga minyak sawit mentah.

"China kini menjadi pesaing, menggantikan Singapura sebagai destinasi utama eksport Malaysia.

"Pemulihan eksport ini dapat membantu mengurangkan kebimbangan bahawa lebihan semasa Malaysia semakin kecil," katanya dalam kenyataan tersebut.

Wellian berkata pelabur pasaran pesat membangun sudah pasti bimbang memandangkan peningkatan dalam akaun semasa akan bertindak sebagai penampan berguna terhadap pengaliran keluar modal.

Beliau berkata ekonomi ini dijangka dapat meneruskan momentum dan untuk mencatat pertumbuhan antara lima peratus tahun ini memandangkan penggunaan swasta terbukti lebih berdaya tahan berbanding jangkaan, disokong kenyataan Bank Negara bahawa 'keadaan pekerjaan stabil dan pertumbuhan gaji yang mampan'.

Mengenai mata wang, Wellian berkata ringgit Malaysia dilihat mungkin mengalami susut nilai.

"Tahapnya kecil. Kami menyasarkan dolar AS-ringgit pada 3.34 menjelang akhir tahun.

Mengenai inflasi, pakar ekonomi itu berkata ia merupakan perkara biasa proses pelarasan fizikal, memandangkan kerajaan mengurangkan subsidi.

Sebagai contoh, peningkatan inflasi semasa dikaitkan dengan kenaikan tarif elektrik.

"Walaupun kenaikan inflasi ini akan memaksa Bank Negara supaya lebih berhati-hati, namun kami tidak menjangkakan Bank Negara akan menaikkan kadar dasar semalaman dalam tempoh terdekat.

"Walaupun inflasi melonjak sekitar lapan peratus pada awal tahun 2008, Bank Negara tidak memberi sebarang respons, dengan melihatnya lebih kepada tolakan kos dan bukan disebabkan permintaan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020684>